



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


MEDAN MAKNA DALAM SLOGAN 'MALAYSIA BAHARU'

MOHAMMAD HABIBI BIN SALEH

FBMK 2022 15



MEDAN MAKNA DALAM SLOGAN 'MALAYSIA BAHARU'



Oleh

MOHAMMAD HABIBI BIN SALEH

**Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sastera**

April 2022

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

MEDAN MAKNA DALAM SLOGAN 'MALAYSIA BAHARU'

Oleh

MOHAMMAD HABIBI BIN SALEH

April 2022

Pengerusi : Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian tentang kumpulan leksikal yang membentuk medan makna dalam slogan 'MalaysiaBaharu' belum dikaji secara ilmiah dan meluas dalam kalangan sarjana tempatan. Justeru kajian ini menyenaraikan dua objektif. Objektif yang pertama adalah untuk mengenal pasti leksikal-leksikal yang membentuk medan makna berdasarkan empat kata fokus terpilih dalam slogan 'Malaysia Baharu' dan, kedua untuk menganalisis leksikal sinonim, antonim dan hiponim yang memperlihatkan hubungan paradigmatic dalam slogan 'Malaysia Baharu' menggunakan teori medan semantik Trier (1931). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Bahan kajian adalah terdiri daripada empat kata fokus terpilih daripada Perspektif Fokus 'Malaysia Baharu' dan 7 laporan akhbar yang berkaitan dengan slogan 'Malaysia Baharu', iaitu Kata Fokus 2 Memperhebatkan Pembanterasannya Rasuah, Kata Fokus 3 Kebebasan Media, Kata Fokus 4 Mesra Perniagaan, dan Kata Fokus 6 Kedaulatan Undang-undang. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan sebanyak 51 laporan akhbar yang berkaitan dengan empat kata fokus terpilih, iaitu 17 laporan akhbar berkaitan Memperhebatkan Pembanterasannya Rasuah, 14 laporan akhbar berkaitan Kebebasan Media, 11 laporan akhbar berkaitan Mesra Perniagaan, dan 9 laporan akhbar berkaitan Kedaulatan undang-undang sebagai bahan kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data kajian yang dianalisis menggunakan teori medan semantik Trier (1931) adalah leksikal-leksikal sinonim, antonim dan hiponim yang terdapat dalam 51 laporan akhbar yang berkaitan dengan empat kata fokus terpilih sahaja. Penganalisisan data adalah secara deskriptif.

Dapatan kajian mendapati daripada 51 laporan akhbar yang dikaji berkaitan empat kata fokus terpilih dalam slogan 'Malaysia Baharu, didapati sebanyak 68 (33%) adalah leksikal sinonim, 76 (37%) leksikal antonim dan 60 (30%) leksikal hiponim yang membentuk medan makna dalam slogan 'Malaysia Baharu' melalui hubungan paradigmatic. Selain itu, kajian juga mendapati dalam slogan

'Malaysia Baharu', leksikal sinonim didapati palingbanyak terdapat dalam Kata Fokus 2 Memperhebat Pembanterasan Rasuah, iaitu sebanyak 25 (37%). Leksikal antonim pula didapati paling banyak dalam Kata Fokus 3 Kebebasan Media, iaitu sebanyak 38 (50%), manakala leksikal hiponim didapati paling banyak dalam Kata Fokus 3 Kebebasan Media, iaitu sebanyak 21 (35%). Kesimpulannya, dengan menggunakan teori medan makna J. Trier (1931), makna setiap leksikal sinonim, antonim dan hiponim bagi empat kata fokus terpilih dalam slogan 'Malaysia Baharu' telah dapat dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk medan makna.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

THE SEMANTIC FIELD IN THE 'MALAYSIA BAHARU' SLOGAN

By

MOHAMMAD HABIBI BIN SALEH

April 2022

Chair : Zaitul Azma bin Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The study of the lexical groups that form the field of meaning in the 'Malaysia Baharu' slogan has not been studied scientifically and widely among local scholars. Thus, this study lists two objectives. The first objective is to identify the lexical items that form the semantic field based on four selected focus words in the 'Malaysia Baharu' slogan and, the second to analyze the lexical of synonyms, antonyms and hyponyms that show paradigmatic relationships in the 'Malaysia Baharu' slogan using Trier's (1931) semantic field theory. This study uses text analysis method. The study material consisted of four selected focus words from the 'Malaysia Baharu' Focus Perspective and 7 press reports related to the 'Malaysia Baharu' slogan, namely Focus Word 2 Intensifying Corruption Eradication, Focus Word 3 Media Freedom, Focus Word 4 Business Friendly, and Focus Word 6 Rule of Law. In addition, the researcher also used a total of 51 press reports related to four selected focus words, namely 17 related press reports intensified the fight against corruption, 14 press reports related to media freedom, 11 press reports related to business friendly, and 9 press reports related to the rule of law as study material using purposive sampling technique. The data analyzed using Trier's (1931) semantic field theory were the synonyms, antonyms and hyponyms found in 51 press reports related to four selected focus words only. Data analysis was descriptive.

The findings of the study found that from 51 newspaper reports studied related to four selected focus words in the 'Malaysia Baharu' slogan, it was found that 68 (33%) were lexical synonyms, 76 (37%) lexical antonyms and 60 (30%) lexical hyponyms that formed the semantic field in the 'Malaysia Baharu' slogan through paradigmatic relations. Apart from that, the study also found that in the 'Malaysia Baharu' slogan, lexical synonyms were found to be most found in Focus Word 2 Intensifying the Eradication of Corruption, which is 25 (37%). The lexical of antonyms was found the most in Focus Word 3 on Media Freedom, which was

38 (50%), while the lexical of hyponyms was found most in the Focus Word 3 on Media Freedom, which was 21 (35%). In conclusion, by using Trier's semantic field theory (1931), the meaning of each lexical synonym, antonym and hyponym from the four selected focus words in the 'Malaysia Baharu' slogan has been analyzed and presented in the form of meaning field.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya pengkaji berjaya menyempurnakan tesis dalam masa yang ditetapkan.

Pertama sekali, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, selaku penyelia tesis dan Dr. Rozita binti Che Rodi selaku pembantu penyelia tesis ini, yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar, pandangan dan saranan berguna sepanjang menyiapkan tesis ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sebiak mungkin akan pengkaji aplikasikan dalam menyiapkan tesis ini, selain menjadi panduan berguna untuk masa hadapan.

Selain itu, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada keluarga yang tercinta terutamanya ibu bapa pengkaji iaitu Saleh bin Saad dan Hatijah binti Dali serta ahli keluarga yang lain kerana memberikan sokongan sepanjang tesis ini dijalankan. Segala nasihat dan dorongan menjadikan pengkaji terinspirasi dan melakukan kajian sebaik mungkin. Semangat dan sokongan yang diberikan membantu pengkaji untuk menumpukan perhatian dalam menghasilkan tesis ini.

Di samping itu, terima kasih juga kepada kawan-kawan yang memberi semangat dan panduan dalam menjalankan kajian ini. Segala pengetahuan yang dikongsikan berguna untuk menghasilkan kajian ini.

Mohammad Habibi bin Saleh
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
Ijazah Sarjana Sastera (Bahasa Melayu)
April 2022

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 April 2022 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohammad Habibi bin Saleh bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Medan Makna Dalam Slogan 'Malaysia Baharu'" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Datin Dr. Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Profesor Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Profesor Madya Dr. Salinah binti Ja'afar, PhD

Profesor Madya
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

(Prof. Madya Dr. Siti Salwa binti Abd Gani, PhD)

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rozita binti Che Rodi, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 September 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohammad Habibi bin Saleh / GS54814

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Rozita Che Rodi

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Medan Semantik	2
1.3 Teori Medan Semantik	3
1.3.1 Medan Semantik Trier (1931)	5
1.4 Slogan 'Malaysia Baharu'	6
1.4.1 Fokus 'Malaysia Baharu'	7
1.5 Pernyataan Masalah	12
1.6 Objektif Kajian	13
1.7 Persoalan Kajian	14
1.8 Batasan Kajian	14
1.9 Definisi Operasional	14
1.10 Kepentingan Kajian	16
1.11 Kesimpulan	16
2	
SOROTAN LITERATUR	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kajian Berkaitan Medan Makna	18
2.3 Kajian Berkaitan Semantik	23
2.4 Kajian Berkaitan Sinonim	24
2.5 Kajian Berkaitan Antonim	27
2.6 Kajian Berkaitan Hponim	28
2.7 Kesimpulan	29
3	
METODOLOGI	31
3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	31
3.3 Kerangka Teori Medan Makna Trier (1931)	31
3.4 Kaedah Kajian	32
3.4.1 Kajian Kepustakaan	32
3.5 Pendekatan Kualitatif	33
3.6 Sampel / Bahan Kajian	33
3.7 Prosedur Kajian	34
3.8 Penganalisan Data	34
3.9 Kerangka Konseptual	35
3.10 Kesimpulan	36

4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Leksikal Membentuk Medan Makna Dalam Slogan 'Malaysia Baharu'	37
4.2.1	KF2: Memperhebat Pembanterasan Rasuah	38
4.2.2	KF3: Kebebasan Media	48
4.2.3	KF4: Mesra Perniagaan	60
4.2.4	KF6: Kedaulatan Undang-Undang	67
4.3	Menganalisis Leksikal yang membentuk Medan Makna dalam slogan 'Malaysia Baharu'	76
4.3.1	Leksikal Sinonim	77
4.3.2	Leksikal Antonim	84
4.3.3	Leksikal Hiponim	89
4.4	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	94
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	95
5.1	Pengenalan	95
5.2	Rumusan	95
5.3	Cadangan	96
5.4	Kesimpulan	97
	BIBLIOGRAFI	98
	BIODATA PELAJAR	104
	PENERBITAN	105

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Tujuh fokus utama dalam 'Malaysia Baharu' Oktober 2018	8
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	35
4.1	Empat Kata Fokus Terpilih dalam Slogan 'Malaysia Baharu'	37
4.2	Medan Makna Leksikal Sinonim dalam KF2: Pembanterasan Rasuah	42
4.3	Medan Makna Leksikal Antonim dalam KF2: Pembanterasan Rasuah	44
4.4	Medan Makna Leksikal Hiponim dalam KF2: Pembanterasan Rasuah	47
4.5	Medan Makna Leksikal Sinonim dalam KF3: Kebebasan Media	51
4.6	Medan Makna Leksikal Antonim dalam KF3: Kebebasan Media	55
4.7	Medan Makna Leksikal Hiponim dalam KF3: Kebebasan Media	59
4.8	Medan Makna Leksikal Sinonim dalam KF4: Mesra Perniagaan	62
4.9	Medan Makna Leksikal Antonim dalam KF4: Mesra Perniagaan	64
4.10	Medan Makna Leksikal Hiponim dalam KF4: Mesra Perniagaan	67
4.11	Medan Makna Leksikal Sinonim dalam KF6: Kedaulatan Undang-undang	70
4.12	Medan Makna Leksikal Antonim dalam KF6: Kedaulatan Undang-undang	73
4.13	Medan Makna Leksikal Hiponim dalam KF6: Kedaulatan Undang-undang	75

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Empat kata fokus yang dipilih dalam slogan 'Malaysia Baharu'	8
1.2	Laporan Akhbar Yang Terpilih Berdasarkan Slogan "Malaysia Baharu"	34
1.3	Leksikal Sinonim, Antonim Dan Hiponim 'Memperhebat Pembanterasan Rasuah'	39
4.1	Leksikal Sinonim dalam KF2: Pembanterasan Rasuah	40
4.2	Leksikal Antonim dalam KF2: Pembanterasan Rasuah	43
4.3	Leksikal Hiponim dalam KF2: Pembanterasan Rasuah	45
4.4	Leksikal Sinonim dalam KF3: Kebebasan Media	49
4.5	Leksikal Antonim dalam KF3: Kebebasan Media	52
4.6	Leksikal hiponim dalam KF3: Kebebasan Media	56
4.7	Leksikal Sinonim dalam KF4: Mesra Perniagaan	60
4.8	Leksikal Antonim dalam KF4: Mesra Perniagaan	63
4.9	Leksikal Hiponim dalam KF4: Mesra Perniagaan	65
4.10	Leksikal Sinonim dalam KF6: Kedaulatan Undang-undang	68
4.11	Leksikal Antonim dalam KF6: Kedaulatan Undang-undang	71
4.12	Leksikal Hiponim dalam KF6: Kedaulatan Undang-undang	74
4.13	Jumlah Leksikal Sinonim, Antonim dan Hiponim dalam Slogan 'Malaysia Baharu'	76
4.14	Contoh Leksikal sinonim dengan Pembanterasan Rasuah	78
4.15	Contoh Leksikal sinonim dengan Kebebasan Media	80

4.16	Contoh Leksikal sinonim dengan Mesra Perniagaan	81
4.17	Contoh Leksikal sinonim dengan Kedaulatan Undang-undang	83
4.18	Contoh Leksikal antonim dengan Pembanterasan Rasuah	84
4.19	Contoh Leksikal antonim dengan Kebebasan Media	85
4.20	Contoh Leksikal antonim dengan Mesra Perniagaan	87
4.21	Contoh Leksikal antonim dengan Kedaulatan Undang-undang	88
4.22	Contoh Leksikal hiponim dengan Pembanterasan Rasuah	90
4.23	Contoh Leksikal hiponim dengan Kebebasan Media	91
4.24	Contoh Leksikal hiponim dengan Mesra Pelanggan	92
4.25	Contoh Leksikal hiponim dengan Kedaulatan Undang-undang	93

SENARAI SINGKATAN

PH	Pakatan Harapan
KF	Kata Fokus
PRU	Pilihan Raya Umum
PR	Pembanterasan Rasuah
KM	Kebebasan Media
MP	Mesra Perniagaan
KU	Kedaulatan Undang-Undang
VAR	Sistem Arbitrase Video/Virtual Assistant Refer



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Semantik adalah bidang kajian tentang makna perkataan, frasa dan ayat. Setiap bahasa mempunyai sumber ungkapan idea yang bermakna. Istilah ini merujuk kepada kajian makna dan cara sistematik makna-makna tersebut dinyatakan dalam bahasa. Tegasnya semantik ialah subdisiplin linguistik yang membicarakan makna. Dengan kata lain, bidang semantik adalah sekumpulan kata (atau leksemik) yang berkaitan dengan makna.

Bidang semantik juga dikenali sebagai bidang kata, bidang leksikal, bidang makna, dan sistem semantik. Adrienne Lehrer, (1985) telah mendefinisikan bidang semantik secara lebih khusus sebagai "satu set leksem yang merangkumi domain konseptual tertentu dan yang mempunyai hubungan tertentu yang dapat ditentukan satu sama lain". Pateda (2010) menyatakan bahawa semantik berobjekkan makna. Sementara itu, Kridalaksana (2008) mengungkapkan bahawasemantik adalah sistem dan penyelidikan makna dan erti dalam sesuatu bahasa. Chaer (2013) pula menyatakan bahawa semantik adalah ilmu tentang makna ataautentang erti, iaitu salah satu daripada tiga tataran analisis bahasa yang melibatkanfonologi, gramatika dan semantik.

Perkataan 'semantik' berasal daripada kata Perancis *sémantique*, telah diterapkan oleh Michel Bréal (1883) untuk psikologi bahasa. Perkataan semantik ini berasal daripada perkataan Yunani, iaitu *sema* (kata benda) yang bermaksud 'simbol' atau'tanda'. Kata kerja *Semaino* pula adalah bermaksud 'menandakan'. Dengan demikian, semantikadalah istilah yang digunakan dalam bidang linguistik yang mengkaji hubungan antara tanda linguistik dengan perkara yang ditandai.

Perkataan 'semantik' berasal daripada kata Perancis *sémantique*, telah diterapkanoleh Michel Bréal (1883) untuk psikologi bahasa. Perkataan semantik ini berasal daripada perkataan Yunani, iaitu *sema* (kata benda) yang bermaksud 'simbol' atau'tanda'. Kata kerja *Semaino* pula adalah bermaksud 'menandakan'. Dengan demikian, semantikadalah istilah yang digunakan dalam bidang linguistik yang mengkaji hubungan antara tanda linguistik dengan perkara yang ditandai.

1.2 Medan Semantik

Arienne Lehrer (1985) mendefinisikan medan semantik sebagai "sekumpulan kata yang berkait rapat dengan makna, sering digabungkan dalam istilah umum" John Lyons (1968) pula mendefinisikan medan semantik sebagai bidang yang anggota leksemik adalah bidang leksikal. Sementara itu, Jack C. Richards dan Richard Schmidt (2013), mendefinisikan medan semantik sebagai "organisasi kata-kata dan ungkapan yang berkaitan dalam sistem yang menunjukkan hubungan mereka antara satu sama lain."

Brinton (2000) mendefinisikan "medan semantik" atau "domain semantik" dan mengaitkan konsep linguistik dengan hiponim. Dengan kata lain, medan semantik menunjukkan segmen realiti yang dilambangkan oleh sekumpulan kata yang berkaitan. Kata-kata dalam bidang semantik berkongsi sifat semantik yang sama. Justeru setiap medan semantik diliputi oleh perbendaharaan kata yang berkaitan dari segi semantik bagi mewakili sebahagian daripada keseluruhan idea atau makna bagi sesuatu kata atau konsep itu. Secara dalaman untuk setiap bidang, makna kata ditentukan oleh jaringan hubungan yang terjalin dengan kata-kata lain yang berkaitan dari segi semantik. Di samping itu medan semantik juga kadang-kadang disebut medan makna yang merujuk kepada sekumpulan kata-kata yang mempunyai hubungan pertalian menerusi maksud yang sama, atau melalui hubungan yang lebih abstrak. Justeru medan semantik juga disebut sebagai medan leksikal.

Berdasarkan beberapa definisi medan semantik oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahawa medan semantik adalah sekumpulan kata (atau leksemik) yang berkaitan dengan makna. Medan semantik juga dikenali sebagai bidang kata, bidang leksikal, bidang makna, dan sistem semantik. Oleh itu, dalam sesebuah medan semantik, makna sekumpulan kata-kata yang membentuk medan semantik adalah saling berkaitan. Menurut Harimurti Kridalaksana (2008), konsep medan semantik ini diterapkan dalam linguistik untuk menggambarkan hubungan antara kata-kata yang berbeza tetapi mempunyai makna yang saling berkaitan. Contohnya, pengangkutan darat akan menghasilkan medan semantik, iaitu kereta, bas, lori, kereta api dan sebagainya yang disebut sebagai hiponim. Begitu juga dengan warna kuning, kuning langsung, kuning raja, kuning pisang, kuning kunyit, kuning pucat dan seterusnya. Secara beransur-ansur, konsep medan semantik berubah menjadi pendekatan linguistik baharu yang disebut konsep medan makna, (Chunming Gao & Bin Xu, 2013).

Di samping itu, medan semantik juga boleh disebut medan atau domain leksikal yang merujuk kepada gabungan sekumpulan kata dengan makna yang saling berkaitan dan didominasi di bawah konsep yang sama, (Zhou, 2001). Dengan katalain, beberapa perkataan daripada bahasa yang didominasi di bawah satu konsep tertentu telah digabungkan dan membentuk medan semantik. Konsep tertentu ini mungkin diwakili oleh superordinat, sedangkan medan semantik

terbentuk daripada hiponim atau kata-kata yang memiliki ciri semantik. Contoh lain, di bawah konsep media cetak, perkataan seperti akhbar, majalah, buletin, jurnal, dan lain-lain dapat dikategorikan untuk membentuk medan semantik.

Dalam tesis ini, istilah dan konsep medan semantik dan medan makna saling diguna pakai oleh pengkaji mengikut kesesuaian dengan pendapat para sarjana yang dirujuk. Sehubungan dengan itu, perkaitan makna dalam aturan semantik bahasa turut menampakkan sebahagian daripada aspek kebudayaan yang menerbitkan unsur leksikal sebagai sebahagian daripada medan makna. Dalam hal ini, Chaer, (2002), menjelaskan bahawa perkataan yang terkandung dalam sesuatu medan makna dapat dibahagi kepada beberapa bahagian, iaitu golongan kolokasi atau sintagmatik dan golongan set atau paradigmatic. Terdapat satu atau lebih daripada satu unsur dalam komponen makna mahupun semantik yang akan berhubungan untuk menghasilkan makna kata dan makna leksikal tersebut. Pandangan ini turut dikemukakan oleh Harimurti Kridalaksana, (2009) yang menjelaskan bahawa komponen makna tersebut merupakan satu atau beberapa unsur yang bersama membentuk medan makna.

Sebenarnya, kajian berkaitan medan semantik terhasil daripada idea pengasas pertama linguistik umum, iaitu W. Humboldt seorang ahli bahasa Jerman yang terkenal pada pertengahan abad ke-19. Walau bagaimanapun, ahli bahasa yang mengemukakan idea untuk teori medan semantik adalah terdiri daripada beberapa ahli bahasa strukturalisme Jerman dan Swiss seperti Ipsen (1924); Trier (1934); Jolls (1934) and Porzig (1934). Di antara semua ahli bahasa ini, idea J. Trier (1931) diterima secara meluas apabila idea Trier ini telah membawa semantik ke tahap yang baharu.

1.3 Teori medan semantik

Istilah teori medan makna atau *theory of semantic field* berkaitan dengan teori bahawa perbendaharaan kata dalam suatu bahasa memiliki medan struktur, baik secara leksikal maupun konseptual, yang dapat dianalisis secara sinkronis, diakronis, mahupun secara paradigmatic, (Irwan Mulyadi, 2017). Dengan kata lain, teori medan semantik menganggap bahawa item leksikal adalah berkaitan secara semantik, sama ada secara paradigmatic atau sintagmatik. Item leksikal dalam setiap bahasa dapat diklasifikasikan dalam medan leksikal yang berkaitan secara semantik dan membahagi bidang semantik dengan pelbagai cara. Sebagai contoh, bidang "Perniagaan" merangkumi leksem seperti menjual, membeli, berdagang, memberi, menerima, meminjatkan, dan menyewa.

Asas teori ini adalah konsep Ferdinand De Saussure (1974) bahawa setiap perkataan dalam bahasa dikelilingi oleh rangkaian persatuan yang tidak dapat dengan istilah lain. Ia menerangkan kosa kata atau leksikon bahasa sebagai sistem rangkaian yang saling berkaitan atau bidang semantik. Kata-kata yang saling berkaitan mungkin termasuk dalam bidang semantik yang sama,

misalnya, pohon, cabang, akar, bunga, batang dan buah. Dalam masa yang sama, terdapat tumpang tindih antara bidang semantik, misalnya, bunga dan pokok mungkin bertindih dengan tanaman dan tumbuhan. Teori ini memberikan situasi kolokasi. Item untuk kolokasi dipilih daripada leksikon bidang yang sama. Contohnya, tanaman berkolokasi dengan tumbuh, bunga yang mekar, dan sebagainya.

Dalam teori medan makna, perkaitan kata dibentuk oleh rangkaian leksikal berdasarkan kesamaan, kesinambungan, pertentangan, kolokasi dan sebagainya. Perkaitan rangkaian leksikal ini dapat dikenal pasti melalui kaedah linguistik dengan mengumpulkan istilah dan rangkaian leksikal yang paling jelas melalui hubungan paradigmatis seperti sinonim, antonim dan hiponim. Manakala rangkaian leksikal yang memperlihatkan hubungan sintagmatik adalah kolokasi, polisemi dan metafora.

Menurut Mei, (1987), teori medan semantik merupakan teori yang menganalisis hubungan antara genus dan spesies kajian leksikal. Lyons (1985), menghuraikan bahawa penggunaan teori medan makna merupakan perkara yang penting untuk menjelaskan makna. Liputan keluasan bidang medan makna membolehkan hubungan yang merangkumi leksem makna fiturnya yang mempunyai hubungan dengan semantik medan makna. Melalui analisis medan makna, jelas menunjukkan bahawa kata-kata dalam sistem bahasa saling berkaitan antara satu sama lain dan kata-kata tersebut membentuk sistem leksikal yang lengkap. Dalam sistem ini, kata-kata tertentu akan dapat membentuk medan semantik di bawah konsep umum. Sebagai contoh, di bawah konsep UNIVERSITI, kata 'fakulti', 'institut', 'dekan', 'pensyarah', 'kolej kediaman' dan lain-lain boleh membentuk medan semantik. Di dalam ini bidang semantik, UNIVERSITI mewakili genus, atau konsep umum ataupun kata fokus. Manakala 'fakulti', 'institut', 'dekan', 'pensyarah', 'kolej kediaman' mewakili spesies, atau konsep tertentu atau kata kunci.

Kata kunci adalah sebilangan kata yang berada di dalam sekumpulan kata sesuatu bahasa yang mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi akal fikiran seseorang tentang adanya alam serta kehidupan yang realiti. Pada masa yang sama, kata kunci juga merupakan kata fokus yang terhasil daripada sesuatu perkataan menghasilkan medan makna jelas serta yang paling utama sangat dekat pertaliannya berdasarkan hubungannya bersama gudang kata sesuatu bahasa. Ringkasnya, medan semantik adalah gabungan sekumpulan kata yang saling berhubungan makna secara sintagmatik atau paradigmatis antara satu sama lain.

Dalam tesis ini, pengkaji membataskan kajian medan makna yang memfokuskan hubungan paradigmatis, iaitu leksikal yang sinonim, antonim dan hiponim sesuai dengan teori Medan Semantik Trier (1931) yang telah dirumuskan oleh Wu (1988). Sementara itu, dalam salah satu kajian seterusnya, J. Trier,

(1934) menunjukkan bahawa struktur medan semantik dapat berubah dari semasa ke semasa.

1.3.1 Medan semantik Trier (1931)

Teori medan semantik ini diperkenalkan oleh sarjana Jerman J. Trier pada tahun 1931 sebagai fasa baru dalam sejarah semantik. Wu (1988) merumuskan Teori Medan Semantik Trier (1931) seperti berikut:

- a. Perbendaharaan kata dalam sistem bahasa berkaitan secara semantik dan membina sistem leksikal yang lengkap. Sistem ini tidak stabil dan sentiasa berubah.
- b. Oleh sebab perbendaharaan kata dalam suatu bahasa adalah berkaitan secarasemantik, justeru seseorang itu tidak seharusnya mempelajari perubahan semantik kata-kata individu secara terpisah, tetapi harus mempelajari perbendaharaan kata sebagai sistem bersepadu.
- c. Oleh sebab leksem saling berkaitan dalam erti, seseorang hanya dapat menentukan konotasi suatu kata dengan menganalisis dan membandingkan hubungan semantiknya dengan kata-kata lain. Satu perkataan hanya bermakna dalam bidang semantiknya sendiri.
- d. Perbendaharaan kata dalam sistem bahasa berkaitan secara semantik dan membina sistem leksikal yang lengkap. Sistem ini tidak stabil dan sentiasa berubah.
- e. Oleh sebab perbendaharaan kata dalam suatu bahasa adalah berkaitan secarasemantik, justeru seseorang itu tidak seharusnya mempelajari perubahan semantik kata-kata individu secara terpisah, tetapi harus mempelajari perbendaharaan kata sebagai sistem bersepadu.
- f. Oleh sebab leksem saling berkaitan dalam erti, seseorang hanya dapat menentukan konotasi suatu kata dengan menganalisis dan membandingkan hubungan semantiknya dengan kata-kata lain. Satu perkataan hanya bermakna dalam bidang semantiknya sendiri.
- g. Perbendaharaan kata dalam sistem bahasa berkaitan secara semantik dan membina sistem leksikal yang lengkap. Sistem ini tidak stabil dan sentiasa berubah.
- h. Oleh sebab perbendaharaan kata dalam suatu bahasa adalah berkaitan secarasemantik, justeru seseorang itu tidak seharusnya mempelajari perubahan semantik kata-kata individu secara terpisah, tetapi harus mempelajari perbendaharaan kata sebagai sistem bersepadu.

i. Oleh sebab leksem saling berkaitan dalam erti, seseorang hanya dapat menentukan konotasi suatu kata dengan menganalisis dan membandingkan hubungan semantiknya dengan kata-kata lain. Satu perkataan hanya bermakna dalam bidang semantiknya sendiri.

Changhong (2010) dan Cao Wangru (2016) menjelaskan bahawa, “Medan semantik Trier pada umumnya adalah paradigmatic, iaitu berkaitan dengan hubungan paradigmatic antara kata-kata seperti hiponim, sinonim dan antonim”.

Hiponim ialah kata-kata yang maknanya terangkum dalam makna kata yang lain, misalnya kambing, lembu dan rusa adalah hiponim daripada perkataan ‘binatang’.(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Antonim ialah kata-kata yang berlawanan maknanya dengan kata lain, misalnya tinggi antonim dengan rendah. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010) manakala sinonim merujuk kepada kata-kata yang sama atau hampir sama maknanya dengan kata lain, misalnya cantik dengan indah dan cepat dengan pantas. Begitu juga kata seerti adalah bersinonim mempunyai kata-kata yang sama atau hampir sama maknanya, (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

1.4 Slogan ‘Malaysia Baharu’ 2018

Apabila parti Pakatan Harapan berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada tahun 2018, salah satu slogan popular ialah ‘Malaysia Baharu’. Slogan ‘Malaysia Baharu’ diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan tujuan mendapat mandat dan kepercayaan rakyat untuk membawa negara Malaysia ke arah yang lebih baik. Dengan kata lain, negara Malaysia sedang melalui fasa perubahan dan pembaharuan yang menuntut semua pihak berganding bahu dan berusaha untuk mencapai matlamat Malaysia Baharu, (Mohd Fitri, 2019).

Dari segi definisi, perkataan ‘baharu’ itu membawa makna memperbaiki, memulakan sesuatu yang baharu, menggantikan sesuatu dengan yang baharu,(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010), Oleh itu, Malaysia Baharu (2018) adalah usaha untuk memperbaiki apa-apa yang dilihat perlu ditambah baik di negara ini bagi mengulangi kejayaan negara yang membanggakan pada satu ketika dahulu. Slogan ‘Malaysia Baharu’ ini juga bertujuan untuk memulakan semula langkah ke arah Malaysia yang lebih progresif dan berwawasan dalam membina ketamadunan dan berperadaban tinggi selain memperkenalkan strategi-strategi baharu sehingga mencapai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara hebat dan disegani rakan serantau.

Oleh itu slogan “Malaysia Baharu” 2018 dapat dirujuk sebagai suatu konsep yang mempengaruhi fikiran konsepsi masyarakat untuk kerajaan Malaysia yang memenangi PRU14 mentadbir negara dengan membawa perubahan yang besar

dalam tampuk pemerintahan, selain membawa angin perubahan apabila peraturan-peraturan yang lama dalam pentadbiran kerajaan terdahulu digantikan. Dalam pada itu, YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semasaberucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-73(2018), di New York turut menyatakan melalui konsep Malaysia Baharu, Kerajaan Malaysia komited untuk memastikan setiap rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran negara dengan pembahagian yang saksama.

Sebenarnya konsep Malaysia Baharu yang awal telah terpancar pada 16 September 1963 apabila lahirnya sebuah negara baharu bernama Malaysia, (Harian Metro, 16 September 2018). Tegasnya, tarikh 16 September 1963 merupakan detik bersejarah yang memperlihatkan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura. Penyatuan dan kerjasama itu perlu diadakan terutamanya untuk menyekat pengaruh komunis yang semakin ketara yang boleh menggugat kestabilan politik serantau selain menanam semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai dan etnik. Walau bagaimanapun Singapura telah keluar daripada Malaysia pada tahun 1965.

Sehubungan dengan itu, konsep 'Malaysia Baharu' 2018 adalah berbeza dengan konsep 'Malaysia Baharu' 1963 kerana 'Malaysia Baharu' 2018 membawa erti yang lebih terarah kepada dasar 'pembaharuan' atau lebih mudah diertikan dengan 'pertukaran' atau 'peralihan' sesuai dengan definisi 'baharu', iaitu membawa makna memperbaiki, memulakan sesuatu yang baharu, menggantikan sesuatu dengan yang baharu, (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010), Sejalan dengan itu, slogan 'Malaysia Baharu' 2018 adalah bermula daripada gerakan untuk memulihkan kelompangan yang ada dalam pentadbiran negara ini, bagi memastikan kejayaan dan kegemilangan yang pernah dirasakan sebelum ini dapat dikembalikan semula. Dalam pada itu, slogan 'Malaysia Baharu' 2018 adalah untuk memastikan impian dan cita-cita untuk melihat Malaysia kembali menjadi sebuah negara yang dihormati akan tercapai.

1.4.1 Fokus 'Malaysia Baharu' 2018

Slogan 'Malaysia Baharu' 2018 lebih memfokus kepada usaha memulihkan semula apa-apa yang telah 'dirosakkan' di dalam negara ini serta melakukan beberapa strategi untuk mengembalikan semula kecemerlangan dan pencapaian negara yang pernah mengharumkan nama negara sebelum ini. Oleh itu, slogan 'Malaysia Baharu' berkisarkan untuk negara kembali mengorak langkah yang baharu ke arah sebuah negara yang lebih kondusif dan berwawasan.

Dengan kata lain, kemunculan 'Malaysia Baharu' adalah respon daripada rakyat Malaysia yang mahukan perubahan dalam sistem politik, kerajaan, ekonomi dan sosial. Rakyat Malaysia mahukan satu 'Malaysia Baharu' yang menjunjung

prinsip-prinsipkeadilan, yang mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang, (Mohd Fitri (2019).

Sehubungan dengan itu, terdapat tujuh fokus utama dalam 'Malaysia Baharu' 2018 seperti yang tergambar dalam Rajah 1. Ketujuh-tujuh fokus utama ini dirujuk sebagai kata fokus (KF).

Fokus Utama Malaysia Baharu	
KF1	Kabinet
KF2	Memperhebatkan Pembanterasannya Rasuah
KF3	Kebebasan Media
KF4	Mesra Perniagaan
KF5	Ekonomi
KF6	Undang-undang (Rule of Law)
KF7	Kemakmuran Bersama Keamanan Sejangat

Rajah 1.1: Tujuh fokus utama dalam 'Malaysia Baharu' Oktober 2018

Namun dalam tesis ini, pengkaji hanya memilih empat kata fokus, iaitu KF2 Memperhebatkan Pembanterasannya Rasuah, KF3 Kebebasan Media, KF4 Mesra Perniagaan dan KF 6 Undang-undang (*Rule of Law*), (Rujuk Jadual 2). Keempat-empat kata fokus ini lebih tersurat membawa makna membaiki, memulakan sesuatu yang baharu, menggantikan sesuatu dengan yang baharu, (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010) dan memfokuskan perubahan dalam sistem politik kerajaan, ekonomi dan sosial.

Selain itu, empat kata fokus yang dipilih dalam slogan 'Malaysia Baharu' adalah memfokuskan perubahan dalam sistem politik kerajaan, ekonomi dan sosial yang sesuai dengan tema 'Membina ketamadunan berperadaban tinggi' demi kesejahteraan masyarakat.

Jadual 1.1: Empat kata fokus yang dipilih dalam slogan 'Malaysia Baharu'

Data 1	KF2	Memperhebatkan Pembanterasannya Rasuah
Data 2	KF3	Kebebasan Media
Data 3	KF4	Mesra Perniagaan
Data 4	KF6	Kedaulatan Undang-Undang

Seterusnya keempat-empat kata fokus yang dipilih dalam slogan 'Malaysia Baharu' (Jadual 2) dihuraikan berdasarkan kumpulan ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bertajuk 'MALAYSIA BAHARU', Oktober, 2018, (Mohd Fitri, 2019).

KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah dalam kerajaan merujuk kepada gerakan antirasuah, iaitu usaha untuk memastikan tiada mana-mana anggota kabinet terlibat langsung dalam rasuah. Tegasnya, gerakan antirasuah di dalam kerajaan diperhebatkan untuk memastikan tiada mana-mana anggota kabinet terbabit langsung dalam amalan rasuah. Gerakan antirasuah melibatkan perkara berikut:

- a. Tiada hadiah patut diterima daripada mana-mana pihak di dalam kerajaan melainkan hadiah yang terhad seperti makanan atau bunga yang tidak termasuk di dalam barangan yang bernilai.
- b. Segala bantuan atau derma yang didermakan kepada mana-mana pihak di dalam kerajaan tidak boleh diterima dengan sewenang-wenangnya tanpa pengetahuan dan keizinan daripada kabinet terlebih dahulu.
- c. Penakrifan perbuatan yang boleh dianggap sebagai rasuah akan diperkemas untuk memastikan bukan sahaja penerima dihukum, malah pemberi rasuah juga akan menghadapi tindakan undang-undang.

Sejajar dengan itu, KF2 Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah menyurat membawa makna membaiki, memulakan sesuatu yang baharu, menggantikan sesuatu dengan yang baharu, (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010) dalam slogan 'Malaysia Baharu' 2018.

Seterusnya, KF3 "Kebebasan media" melalui slogan 'Malaysia Baharu' menggariskan perkara berikut:

- a. media dan akhbar yang berpihak kepada satu-satu organisasi tidak akan disekat asalkan laporan yang dikeluarkan oleh media tersebut mempunyai rekod rasmi. Walau bagaimanapun, perbuatan menghasut rakyat melalui media sosial yang menimbulkan suasana tegang tidak akan dibenarkan.
- b. Media juga bebas untuk melaporkan perkara-perkara yang dianggap tidak disenangi oleh kerajaan dan dijamin tiada tindakan akan diambil selagi laporannya tidak bertentangan dengan undang-undang.
- c. Definisi berita palsu akan dikaji untuk menentukan makna yang jelas bagi berita palsu supaya orang ramai dapat membezakan dengan jelas maksud berita palsu.

Dengan demikian, KF3 “Kebebasan media” menjelaskan bahawa pihak media mempunyai kebebasan untuk membuat laporan sesuatu perkara yang dirasakan tidak sesuai dan kerajaan memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan mengenakan apa-apa tindakan selagi kebebasan itu tidak menyalahi undang-undang. Oleh itu KF3 “Kebebasan media” ini membawa makna membaiki, dan memulakan sesuatu yang baharu dalam slogan Malaysia Baharu 2018, (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

Seterusnya KF4 “Mesra perniagaan” memfokuskan kemudahan dalam pengoperasian dan memulakan sesuatu perniagaan dengan kemudahan proses akan dipercepatkan untuk memulakan sesuatu perniagaan. Peraturan-peraturan lapuk yang ada dalam undang-undang akan disemak semula. Dengan kata lain, KF4 ‘Mesra perniagaan’ menggariskan perkara yang berikut:

- a. dasar yang mesra perniagaan dengan penyertaan yang lebih terbuka.
- b. Urusan dalam memulakan perniagaan akan dipermudahkan dengan pengurangan proses yang diperlukan sebelum sesuatu perniagaan dapat dimulakan.
- c. Larangan-larangan lapuk dalam undang-undang perniagaan juga akan dikajisemula.

Oleh itu, KF4 ‘Mesra perniagaan’ lebih membawa makna memperbaiki, memulakan sesuatu yang baharu, dan menggantikan sesuatu dengan yang baharu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

Akhir sekali KF6 ‘Kedaulatan undang-undang’ (*Rule of Law*) menyuratkan perkaraberikut:

- a. Dari segi pentadbiran, kesemua gerak kerja kerajaan dalam mentadbir kerajaan akan dijalankan dengan mengikut undang-undang.
- b. Layanan adil kerajaan dan sesiapa sahaja akan patuh kepada undang-undang dan ianya akan dikenakan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira pangkat, status mahupun darjat seseorang itu.
- c. Peremajaan undang-undang sedia ada yang telah lapuk dan tidak lagi sesuai akan dikaji semula melalui proses-proses yang termaktub di dalam peraturan-peraturan tertentu, yakni melalui parlimen.

Tegasnya KF6 ‘Kedaulatan undang-undang’ menitikberatkan aspek pekerjaan semasa negara ditadbir akan digerakkan berdasarkan peraturan-peraturan yang sedia ada bagimemastikan perkhidmatan yang lebih telus kepada semua tanpa mengira status sosial mahupun pangkat seseorang. Selain itu, perturan-

peraturanyang terlalu lama dan tidak bersesuaian dan akan disemak serta membuat pembatalan melalui sidang parlimen berdasarkan proses yang sedia ada dalam undang-undang tertentu. Senada dengan itu KF6 membawa makna memperbaiki,memulakan sesuatu yang baharu, dan menggantikan sesuatu dengan yang baharu,(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

Di samping itu, keempat-empat kata fokus, iaitu KF2, KF3, KF4, dan KF6 dapat dikategorikan dalam tema 'membina ketamadunan berperadaban tinggi' demi kesejahteraan masyarakat dalam ungkapan 'Malaysia Baharu' berdasarkan Petikan 1, Petikan 2 dan Petikan 3 dalam Fokus Malaysia Baharu (2018) yang berikut:

Petikan 1 "Malaysia Baharu" adalah hasil daripada usaha untuk memperbaiki apa-apa yang telah rosak di negara ini dan untuk mengulangi lagi kejayaan dan pencapaian negara yang membanggakan yang pernah dicapai sebelum ini (Fokus Malaysia Baharu, 2018)

Petikan 2 Dalam Malaysia Baharu ini, kerajaan komited untuk memastikan setiap daripada rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama (Fokus Malaysia Baharu, 2018)

Petikan 3 "Rakyat mahukan satu Malaysia Baharu yang menjunjung prinsip-prinsip keadilan, yang mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang", (Fokus Malaysia Baharu, 2018)

Slogan 'Malaysia Baharu' berusaha untuk memperbaiki apa-apa yang telah rosak di negara ini (Petikan 1), kerajaan komited untuk memastikan setiap rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama (Petikan 2) dan menjunjung prinsip-prinsip keadilan,mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang (Petikan 3) telah mengemukakan empat kata fokus (KF), iaitu KF2 Memperhebatkan Pembanterasannya, KF3 Kebebasan Media,KF4 Mesra Perniagaan dan KF6 Kedaulatan Undang-Undang. Justeru KF2, KF3, KF4 dan KF6 ini dipilih oleh pengkaji sebagai data kajian dalam tesis ini untuk tema 'Membina ketamadunan berperadaban tinggi' demi kesejahteraan masyarakat.

1.5 Permasalahan kajian.

Kata-kata bahasa ataupun leksikal-leksikal tergolong dalam kumpulan yang berbeza, tetapi terikat dengan suatu hubungan yang disebut 'hubungan medan makna', (Irwan Mulyadi, (2017). Pendek kata, kata-kata daripada setiap kumpulan adalah berkaitan dalam satu cara atau yang lain malahan dapat dikatakan tergolong dalam satu medan semantik yang sama, (Chibunma Amara Bright-Ajoku & Carolyn O. Mbata, 2020). Sebenarnya kosa kata bahasa adalah sistem rangkaian leksikal yang saling berkaitan dan bukannya kumpulan item yang bebas. Oleh itu, kajian tentang rangkaian leksikal yang saling berkaitan maknanya wajar dikaji menggunakan teori medan makna.

Sementalahan, terdapat beberapa kajian terdahulu yang mengkaji medan makna dengan fokus kajian yang pelbagai. Kajian Norfarhana Ahmad Ghafar et al. (2016) memperlihatkan aplikasi teori dalam kajian al- Quran dan Hadis. Kajian Norfarhana Abdul Ghafar & Munjid Mustafa Bahjat (2017) pula telah dapat membuktikan bahawa analisis korpus bertema yang berasaskan gabungan kajian korpus dan teori Medan Makna telah dapat membantu dalam pemahaman teks sastera secara mudah. Kajian Mad Taib Pa (2016) mendapati bahawa antara teori utama yang dapat menerangkan konsep dan pengertian makna yang ada kaitan langsung dengan teks yang ditulis dan teks ucapan ialah teori komponen makna, kolokasi, konteks dan medan makna.

Manakala Isnariah Idris (2017) telah mendapati aplikasi model medan semantik telah dapat memberikan gambaran sebenar terhadap keperibadian raja dan pembesar Melayu dalam abad ke-19 tanpa meminggirkan amalan muafakat' dan tanggungjawab sebagaimana syariat Islam.

Di samping itu, Irwan & Mulyadi (2017), yang memfokuskan leksem yang hiponim dalam medan semantik leksem kanji BU (武) dalam bahasa Jepun BU telah mendapat terdapat 2 leksem yang berperanan sebagai medan sub-semantik BU kanji, iaitu leksem BUJUTSU (武術) dan BUDO (武道). Daripada dua bidang sub-semantik, terdapat 10 perkataan yang menjadi hiponim BUJUTSU dan 9 perkataan yang menjadi hiponim BUDO. Kajian Anita Nurhayati. (2017) yang telah mendapati terdapat 47 leksem leksem kata kerja 'menyentuh' dalam BMDS, manakala kajian Jatu Perwitosari, Ahadi Sulissusiawan, Firman Susilo, (2014) pula mendapati medan makna verba 'membawa' dalam BMDS adalah terdiri daripada makna leksikal, makna gramatikal, makna kolokatif, dan makna afektif.

Sementara itu Chunming Gao & Bin Xu (2013) telah mendapati penerapan teori medan semantik dalam pembelajaran kosa kata bahasa Inggeris telah membantu memperluaskan perbendaharaan kata pelajar dengan membina hubungan maknakata-kata baharu sekali gus dapat membantu penguasaan

perbendaharaan kata pelajar, supaya mereka dapat mempelajari perbendaharaan kata bahasa Inggeris dengan lebih cekap dan sistematik. Boran, G. (2018), pula mendapati mudah untuk menjelaskan hubungan antara pesakit dan hospital setelah digolongkan dalam hiponim dan dilabelkan sebagai 'kesihatan'. Oleh itu Boran, G. (2018) juga berpendapat penerapan medan semantik dapat memberikan beberapa implikasi untuk pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing.

Daripada beberapa kajian terdahulu yang disorot, belum terdapat kajian medan makna yang berkaitan dengan hubungan paradigmatis antara perkataan seperti sinonim, antonim dan hiponim. Dengan kata lain, kajian tentang leksikal-leksikal sinonim, antonim dan hiponim bagi memperlihatkan hubungan paradigmatis menggunakan teori medan semantik Trier (1931) belum dikaji secara ilmiah dan meluas, khususnya dalam kalangan sarjana tempatan. Justeru pengkaji mengisi ruang dan lompang ini untuk mengkaji leksikal sinonim, antonim dan hiponim yang memperlihatkan hubungan paradigmatis dalam slogan 'Malaysia Baharu'. Kajian medan makna ini perlu dijalankan secara ilmiah agar dapat membandingkan dan menjelaskan hubungan paradigmatis antara leksikal-leksikal yang sinonim, antonim dan hiponim (Guo Changhong, 2010) dalam slogan 'Malaysia Baharu'.

Di samping itu, pengkaji menerapkan teori medan makna Trier (1931) untuk mengenal pasti dan menganalisis leksikal-leksikal yang memperlihatkan hubungan paradigmatis, iaitu sinonim, antonim dan hiponim dalam slogan 'Malaysia Baharu'. Tambahan pula melalui kajian medan semantik menggunakan slogan 'Malaysia Baharu' dapat menyumbang terhadap pembangunan sesebuah negara, selain dapat mengayakan kosa kata seseorang dari sudut semantik, khususnya kosa kata yang sinonim, antonim dan hiponim yang membentuk slogan 'Malaysia Baharu' dan bahasa Melayu, amnya.

1.6 Objektif kajian

Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif utama, iaitu:

- i. Mengetahui medan makna leksikal-leksikal yang membentuk medan makna berdasarkan empat kata fokus terpilih dalam slogan 'Malaysia Baharu'.
- ii. Menganalisis leksikal sinonim, antonim dan hiponim yang memperlihatkan hubungan paradigmatis dalam slogan 'Malaysia Baharu' menggunakan teori medan semantik J. Trier (1931).

1.7 Persoalan kajian

Dalam penyelidikan ini terdapat tiga persoalan utama, iaitu:

- i. Apakah leksikal-leksikal yang membentuk medan makna berdasarkan empat kata fokus terpilih dalam slogan "Malaysia Baharu" 2018?
- ii. Bagaimanakah leksikal-leksikal sinonim, antonim dan hiponim yang memperlihatkan hubungan paradigmatis dalam slogan 'Malaysia Baharu' dianalisis menggunakan menggunakan teori medan semantik Trier (1931)?

1.8 Batasan kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Kajian ini dibatasi kepada leksikal-leksikal yang membentuk medan semantik melalui hubungan paradigmatis berdasarkan slogan 'Malaysia Baharu' 2018. Fokus kajian pula dibatasi pada empat kata fokus dalam slogan 'Malaysia Baharu' 2018, iaitu KF2 Memperhebatkan Pembanterasannya Rasuah, KF3 Kebebasan Media, KF4 Mesra Perniagaan dan KF 6 Kedaulatan Undang-undang. Empat-empat kata fokus ini lebih tersurat membawa makna perubahan dalam sistem politik, ekonomi dan sosial.

Data kajian dibatasi kepada satu (1) kumpulan ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertajuk, 'Malaysia Baharu' Takrifan /Perspektif Fokus, Oktober 2018 dan 51 laporan akhbar atas talian yang berkaitan dengan KF2 Memperhebatkan Pembanterasannya Rasuah, KF3 Kebebasan Media, KF4 Mesra Perniagaan, KF 6 Kedaulatan Undang-undang dan konsep 'Malaysia Baharu. 51 laporan akhbar atas talian dipilih dari bulan Mei tahun 2018 hingga Disember 2019 menggunakan teknik persampelan bertujuan. Jenis laporan akhbar atas talian adalah yang dipilih adalah tertakluk pada laporan yang berkaitan dengan fokus kajian, yakni tidak dihadkan kepada jenis akhbar tertentu sahaja.

1.9 Definisi Operasional

Medan makna

Medan makna merujuk kepada sekumpulan leksikal yang maknanya mempunyai hubungan dan perkaitan antara satu sama yang lain dari segi makna kata dan juga makna konsep. Dengan kata lain, medan makna merupakan himpunan sekumpulan leksikal yang mempunyai hubungan secara paradigmatis dan sintagmatik dengan kata-kata lain dalam domain konseptual tertentu dan mempunyai hubungan tertentu yang dapat ditentukan satu sama lain. Hubungan ini terjadi apabila kata-kata tersebut berada dalam situasi yang membawa

maksud yang sama dan kata-kata itu juga dipakai untuk menerangkan makna atau definisi terhadap satu kata yang lain. Misalnya, kata "rumah" mempunyai hubungan dengan kata ruang tamu, dapur, bilik tidur, tandas, dan sebagainya. Oleh itu, kata-kata seperti ini merupakan medan makna bagi hiponim kata "rumah".

Slogan 'Malaysia Baharu' 2018

Slogan 'Malaysia Baharu' 2018 merujuk kepada slogan yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan tujuan mendapat mandat dan kepercayaan rakyat untuk membawa negara Malaysia melalui fasa perubahan dan pembaharuan mencapai matlamat Malaysia Baharu. Dengan itu, 'Malaysia Baharu' 2018 adalah usaha untuk memperbaiki apa-apa yang dilihat perlu ditambah baik di negara ini bagi mengulangi kejayaan negara yang membanggakan pada satu ketika dahulu. Selain itu 'Malaysia Baharu' 2018 ini juga bertujuan untuk memulakan langkah ke arah Malaysia yang lebih progresif dan berwawasan dalam membina ketamadunan dan berperadaban tinggi selain memperkenalkan strategi-stategi baharu untuk memastikan setiap rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran negara dengan pembahagian yang saksama serta menjadikan Malaysia sebuah negara hebat dan disegani rakan serantau.

Teori Medan Semantik Trier (1931)

Teori Medan Semantik Trier (1931) juga dikenali sebagai teori Medan Semantik Paradigmatik Trier (1931) adalah merujuk kepada teori yang diperkenalkan oleh sarjana Jerman J. Trier pada tahun 1931 dan telah dirumuskan oleh Wu (1988) seperti berikut:

- a. Perbendaharaan kata dalam sistem bahasa berkaitan secara semantik dan membina sistem leksikal yang lengkap. Sistem ini tidak stabil dan sentiasa berubah.
- b. Oleh sebab perbendaharaan kata dalam suatu bahasa adalah berkaitan secara semantik, justeru seseorang itu tidak seharusnya mempelajari perubahan semantik kata-kata individu secara terpisah, tetapi harus mempelajari perbendaharaan kata sebagai sistem bersepadu.
- c. Oleh sebab leksem saling berkaitan dalam erti, seseorang hanya dapat menentukan konotasi suatu kata dengan menganalisis dan membandingkan hubungan semantiknya dengan kata-kata lain. Satu perkataan hanya bermakna dalam bidang semantiknya sendiri.

Teori Medan Semantik Trier (1931) ini lebih membincangkan hubungan paradigmatik antara kata-kata, iaitu kata-kata hiponim, sinonim dan antonim.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap slogan "Malaysia Baharu" 2018 yang dilaksanakan melalui aspek bahasa yang menyatakan makna yang ada dalam fikiran seseorang dapat disampaikan melalui bentuk bahasa yang ditulis dan dituturkan.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan dari segi pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hal ini demikian kerana perbendaharaan kata dalam suatu bahasa adalah berkaitan secara semantik. Justeru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, setiap kata tidak seharusnya diajarkan secara terpisah, tetapi mengajar dan mempelajari perbendaharaan kata itu sebagai sistem bersepadu. Tambahan pula leksem adalah saling berkaitan dalam erti, jadi seseorang itu hanya dapat menentukan konotasi suatu kata dengan menganalisis dan membandingkan hubungan semantiknya dengan kata lain. Satu perkataan hanya bermakna dalam bidang semantiknya sendiri.

Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dalam memperkayakan lagi leksikal yang membentuk medan makna "Malaysia Baharu" dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji berharap kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan atau bahan rujukan untuk kajian medan makna pada masa hadapan. Kajian ini juga mempunyai kepentingan kepada institusi dan negara kerana dapatan kajian ini dapat menyumbang dalam menggalakkan penghasilan kajian-kajian ilmiah. Begitu juga kajian ini juga mempunyai kepentingan kepada masyarakat. Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat memberi input kepada masyarakat agar dapat meningkatkan kefahaman tentang konsep 'Malaysia Baharu' melalui pendekatan bahasa khususnya pendekatan semantik.

1.11 Kesimpulan

Semantik adalah bidang yang mengkaji makna perkataan, frasa dan ayat. Istilah ini merujuk kepada kajian makna dan cara sistematik makna-makna tersebut dinyatakan dalam bahasa. Sementara itu, setiap bahasa mempunyai sumber ungkapan idea yang bermakna termasuklah melalui slogan. Slogan 'Malaysia Baharu' 2018 diperkenalkan bertujuan untuk membawa negara Malaysia melalui fasa perubahan dan pembaharuan bagi memastikan setiap rakyat Malaysia akan menikmati kemakmuran negara dengan pembahagian yang saksama serta menjadikan Malaysia sebuah negara hebat dan disegani rakan serantau. Sejalan dengan itu pemahaman dan penguasaan makna kata yang membentuk medan makna dalam slogan 'Malaysia Baharu' 2018 akan membolehkan tujuan slogan 'Malaysia Baharu' 2018 dapat difahami oleh masyarakat Malaysia. Oleh itu, penerapan teori semantik, iaitu teori medan semantik Trier memudahkan makna slogan 'Malaysia Baharu' 2018 dianalisis. Tambahan pula, memahami

dan menganalisis makna kata sangat berkaitan dengan kemampuan manusia untuk berfikir secara logik dan memahami konsep yang melatarinya.



BIBLIOGRAFI

- Adrienne Lehrer. (1985). English Classifier Constructions: University Of Arizona, Usa, *Lingua* 68 (1986) 109-148. North-Holland.
- Asher, R. E. (1994). *The Encyclopedia Of Language And Linguistics* (Vol. 2, P. 840). London: Pergamon.
- Cao Wangru. (2016). Vocabulary Teaching Based on Semantic-Field, *Journal of Education and Learning*; Vol. 5, No. 3.
- Chaer, Abdul Dan Leonie Agustina. (1995). *Sosiolinguistik: Perkenalan Awal*. Jakarta: Pt Rineka Cipta.
- Chaer, Abdul. (2002). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chunming Gao Dan Bin Xu. (2013). *The Application Of Semantic Field Theory To English Vocabulary Learning*.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches* (3rd Ed.). Sage Publications, Inc.
- Guo Changhong. (2010). *The Application of the Semantic Field Theory in College English Vocabulary Instruction*.
- Harimurti Kridalaksana. (2008) *Kamus Linguistik. Fourth Edition*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, Li + 316 Pp. [First Edition 1982.] Isbn 978-979-22-3570-8.
- Harimurti Kridalaksana. (2009). *Kamus Linguistik. Fourth Edition Cet. 2*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama. Isbn 978-979-22-3570-8.
- Hsiu-Fang Hsieh. Sarah E. Shannon. (2007). Three Approaches To Qualitative Content Analysis, *Semanticscholar*. Pmid: 16204405. Doi: 10.1177/1049732305276687.
- Ismail, A. (2018). Peluasan Makna Kata Dedak: Satu Analisis Semantik Kognitif. *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 3(10), 28- 39.
- Isnariah Idris. (2017). Hati Budi Melayu Dalam Warkah Melayu Lama. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 4 Bil 2*. E-Issn: 2289- 8042.
- Irwan, I., & Mulyadi, M. (2017). Analisis Medan Makna 'Seni Bela Diri Khas Jepang' Dalam Huruf Kanji Bu (武). *Izumi*, 6(2), 31-49.

- Jasmi, Kamarul Azmi (2012) *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. In: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, 28-29 Mac 2012, Puteri Resort Melaka.
- Jost Trier. (1931). *Der Deutsche Wortschatz Im Sinnbezirk Des Verstandes: Die Geschichte Eines Sprachlichen Feldes Band 1: Von Den Anfängen Bis Zum Beginn Des, 13, Winter, Jahrhunderts, Heidelberg*.
- Jost, Trier (1934). 'Das sprachliche Feld', *Jahrbuch für deutsche Wissenschaft* 10: 428–49.
- John Lyons. (1968). *Linguistic Semantics: An Introduction: Cambridge University Press* Isbn 0521438772, 9780521438773.
- John Lyons. (1985). *A New Labeling Method. Cambridge University Press* Volume 28, Issue 2 June 1985 Pages 85-86.
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction To Its Methodology (2nd Ed.)*. Thousand Oaks, Ca: Sage.
- Luqman Muhammad Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, et al. (2015). *Fenomena Antara Idiom Dan Kolokasi: Satu Analisis Terjemahan Struktur Dan Makna*.
- Mat Taib Pa. (2016). *Konsep Makna Dan Jenisnya, Jurnal Kesidang Journal Of Kesidang* Jilid 1 2016: 1-19.
- Marilyn Domas White And Emily E. Marsh. (2006). *Content Analysis: A Flexible Methodology. Library Trends, Vol. 55, No. 1, Summer 2006* ("Research Methods," Edited By Lynda M. Baker), Pp. 22– 45.
- Mei-Chun Liu. (1987). *Conference: Workshop On Chinese Lexical Semantics City University Of Hong Kong. Stanford University Press, Stanford*.
- Mohd Saad, at al. (2017). *Leksikal `Sinonim` Dalam Al Quran: Satu Analisis Fungsi Dan Kesan Semantik. Persatuan Linguistik Malaysia*.
- Norfarhana Ahmad Ghafa, et al. (2016).: *International Journal Of Islamic Studies* 4(2), 24-35.
- Noraziah Binti Abdul Aziz. (2014). *Analisis Leksikal Budaya Dalam Rimba Harapan Dan Terjemahannya La Jungle De L'Espoir. Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur*.
- Norfarhana Abdul Ghafar. (2017). *Munjid Mustafa Bahjat. Journal Of Islamic, Social, Economics And Development (Volume 2, No. 3, Pages 21 To 31)*.
- Noor Saadah Mohd Salleh. (2015). *"Kolokasi Makna Leksikal Dalam Iklan Produk Kecantikan". Universiti Putra Malaysia*.

Norfazila Ab. Hamid, (2014) *Peluasan Semantik Kata Sifat Ringan: Satu Analisis Model Jaringan Langacker (1988)*. Jurnal Melayu, 13. Pp. 61-71. Issn 1675-7513.

Saussure, Ferdinand De (1916), (1974): *Course In General Linguistics* (Trans. Wade Baskin). London: Fontana/Collins.

Salinah Jaafar. (2005). Fungsi Leksikal "Bunga" Dalam Simpulan Bahasa Dan Peribahasa Bahasa Melayu, *Journal, Jurnal Bahasa* 5(4), 40-67, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zhibiao Wu. (1988). *Verb Semantics And Lexical Selection*. Department Of Information System & Computer Science National University Of Singapore Republic Of Singapore, 0511.

Rujukan Internet

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/583937/dua-utama-fokus-untuk-kebebasan-media> bidang-

<https://www.sinarharian.com.my/article/27245/KHAS/Kerajaan>

<https://www.sinarharian.com.my/article/27827/BERITA/Nasional/Apakah-kebebasan-akhbar-sudah-bermula-di-Malaysia>

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/05/14/kebebasan-media-di-malaysia-belum-menyeluruh-kata-akademik/> san-

[https://malysiadateline.com/kebebasan-media-di-bawah-kerajaan-ph-memakan-diri/\(malysiadateline\)](https://malysiadateline.com/kebebasan-media-di-bawah-kerajaan-ph-memakan-diri/(malysiadateline))

<https://www.benarnews.org/malay/berita/my-rfs-media-19041804182019173445.html>

<https://www.bhplus.com.my/berita/nasional/2019/05/569955/jangan-salah-guna-kebebasan-media-cetus-sentimen-kaum-agama-mujahid>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/05/560138/media-penting-untuk-semak-dan-imbang-dalam-demokrasi-sihat-tpm>

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/03/04/kerajaan-mahu-media-bebas-dan-lebih-bertanggungjawab-kata-kadir/> jaan-

<https://www.malysiakini.com/news/476206>

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/media-kini-semakin-bebas-wan-azizah-188117>

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/gunakan-kebebasan-bersuara-dengan-tanggungjawab-pm-208827>

<https://www.airtimes.my/2020/01/29/jaga-kebebasan-media-sebar-berita-palsu-akan-diambil-tindakan/>

[http://www.yadim.com.my/v2/mahathir-pertahan-hak-kebebasan-bersuara/\(yayasandakwah-islamiah-malaysia\)](http://www.yadim.com.my/v2/mahathir-pertahan-hak-kebebasan-bersuara/(yayasandakwah-islamiah-malaysia))

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/556909/patuh-dan-hormati-perlembagaan-dr-mahathir>

<https://www.pmo.gov.my/ms/2019/10/kerajaan-akan-tadbir-malaysia-mengikut-peraturan-undang-undang-kata-dr-mahathir/>

<https://www.ismaweb.net/2019/02/08/prinsip-kedaulatan-undang-undang-tertegak-di-era-malaysia-baharu/>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/515653/tiada-peruntukan-kecualikan-individu-daripada-kedaulatan-undang>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/515545/lapor-salah-guna-undang-undang-bukan-satu-hasutan-tun-m>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/484107/patuhi-undang-undang-penting-dalam-proses-pemulihan-negara-pm>

<https://www.sinarharian.com.my/article/5257/BERITA/Nasional/Tiada-individu-kebal-kedaulatan-undang-undang>

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-sesiapa-terkecuali-daripada-undang-undang-dr-mahathir-194994>

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/01/02/tiada-orang-tak-boleh-disentuh-undang-undang-termasuk-raja-kata-dr-m/>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/654303/dasar-persyarikatan-malaysia-akan-diberi-nafas-baharu-pm>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/493625/malaysia-baharu-akan-berteraskan-tadbir-urus-yang-baik-integriti-dr>

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/05/563403/pendek-atan-mesra-pelabur-malaysia-pikat-micron>

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dasar-mesra-peniaga-harap-dapat-gamit-pelabur-tun-mahathir-218601>

<https://www.sinarharian.com.my/article/69452/BERITA/Nasional/Ke-rajaaan-ber-nafas-baharu-Dasar-Persyarikatan-Malaysia-PM>

<https://malaysiagazette.com/2019/08/20/kerajaan-kekalkan-pendekatan-mesra-perniagaan/>

<https://selangorkini.my/2019/10/dpn-penuhi-keperluan-industri-mesra-perniagaan-tun-m/>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/495246/kerajaan-akan-hapus-halangan-jalankan-perniagaan-di-malaysia-pm>

<https://www.sinarharian.com.my/article/49578/BERITA/Nasional/Malaysia-masih-sama-seperti-dulu-Dr-Mahathir>

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/06/439686/kerajaan-perlu-laksana-dasar-mesra-perniagaan>

<https://www.utusanborneo.com.my/2018/07/21/malaysia-akan-lebih-mesra-perniagaan-kekang-rasuah>

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/10/503793/pulihkan-segera-kanser-rasuah-salah-guna-kuasa-pm>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/522505/rakyat-kini-lebih-berani-melaporkan-rasuah-dr-mahathir>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/492276/kerajaan-sekarang-bebas-rasuah-tun-m>

<https://www.pmo.gov.my/ms/2019/04/kerajaan-ph-akan-terus-usaha-banteras-rasuah-dr-mahathir/>

<https://www.pmo.gov.my/ms/2020/02/pm-lancar-yayasan-antirasuah-bertanggungjawab-terhadap-dana-untuk-penguat-kuasa-rasuah/>

<https://www.pmo.gov.my/ms/2019/06/tahan-diri-daripada-tamak-hingga-lakukan-rasuah-dr-mahathir/>

<https://www.benarnews.org/malay/berita/my-nacp-19012901292019161502.html>

<https://www.malaysiakini.com/news/470348>

<https://www.sinarharian.com.my/article/30601/BERITA/Nasional/PRM-guna-undang-undang-baharu-dakwa-syarikat-terlibat-rasuah>

<https://www.sinarharian.com.my/article/25958/BERITA/Nasional/Tun-Mahathir-Kerajaan-PH-terus-usaha-banteras-rasuah>

<https://www.benarnews.org/malay/berita/my-mahathir-gift-190514-05142019173140.html>

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/100-hari-kerajaan-pakatan-harapan-17-inisiatif-integriti-antirasuah-dilaksana-183222>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/511638/pelan-anti-rasuah-nasional-2019-2023-dilancar-31-januari>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/525208/pelan-antirasuah-nasional-nacp-2019-2023-dilancarkan>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/644744/jawatankuasa-aduan-akan-pantau-20-agensi-penguat-kuasa>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/507681/dr-mahathir-lancar-garis-panduan-kurangkan-risiko-rasuah>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/507683/tiada-tempoh-akhir-isytihar-harta-dr-mahathir>

<https://prpm.dbp.gov.my/>

BIODATA PELAJAR

Mohammad Habibi bin Saleh berasal dari Kampung Mengkuang Hunjung, Baling Kedah, merupakan anak ketujuh daripada sembilan beradik, dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Lanai. Mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Panjang dan Sekolah Menengah Vokasional Arau, sebelum melanjutkan pendidikan di peringkat menengah atas di Sekolah Menengah Kebangsaan Baling. Seterusnya penulis melanjutkan pengajian dalam program Bachelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu), dan Master Sastera (Bahasa Melayu) di Universiti Putra Malaysia.

SENARAI PENERBITAN

Mohammad Habibi Saleh, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Rozita Che Rodi. (2021). Medan Makna “Memperhebat Pembanterasan Rasuah” Dalam Ungkapan “Malaysia Baharu”, Mulai Mei 2018. JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (1) Mei 2021 (100 - 117)





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUS CONFIRMATION FOR THESIS / PROJECT REPORT

AND COPYRIGHT

ACADEMIC SESSION : _____

TITLE OF THESIS / PROJECT REPORT :

NAME OF STUDENT :

I acknowledge that the copyright and other intellectual property in the thesis/project report belonged to Universiti Putra Malaysia and I agree to allow this thesis/project report to be placed at the library under the following terms:

1. This thesis/project report is the property of Universiti Putra Malaysia.
2. The library of Universiti Putra Malaysia has the right to make copies for educational purposes only.
3. The library of Universiti Putra Malaysia is allowed to make copies of this thesis for academic exchange.

I declare that this thesis is classified as:

*Please tick (✓)

CONFIDENTIAL

(Contain confidential information under Official Secret Act 1972).

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization/institution where research was done).

OPEN ACCESS

I agree that my thesis/project report to be published as hard copy or online open access.

This thesis is submitted for:



PATENT

Embargo from _____ until
_____ (date)
(date)

Approved by:

(Signature of Student)
New IC No/ Passport No.:

Date :

(Signature of Chairman
of Supervisory Committee)
Name:

Date :

[Note : If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization/institution with period and reasons for confidentially or restricted.]

